

14/09/2003

Kerajaan bantu golongan cacat dapat pekerjaan

SEREMBAN: Kerajaan akan merumuskan pendekatan terbaik bagi membantu golongan kurang upaya terus bersaing dan mendapat tempat dalam pasaran kerja, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata, antara pendekatan itu termasuk meminta sektor swasta untuk mewujudkan lebih banyak peluang latihan dan pekerjaan kepada golongan berkenaan.

"Keputusan ini selaras dengan tumpuan dan perhatian yang diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap golongan kurang upaya, ketika membentangkan Bajet 2004, semalam (kelmarin).

"Lagipun, kita mendapati hanya 3,000 daripada 10,000 golongan kurang upaya yang berdaftar dengan kementerian sudah mempunyai pekerjaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kejohanan Judo Remaja Kebangsaan Sirkuit Ke-2 di pusat beli-belah Seremban Parade, semalam.

Dalam membentangkan bajet kelmarin, Dr Mahathir mengumumkan pelbagai insentif menarik disediakan untuk golongan kurang upaya termasuk had siling pendapatan ditingkatkan daripada RM500 kepada RM750.